

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"MAKA untuk itu kerajaan beta secara berterusan telah menyediakan peruntukan yang bersesuaian kepada kementerian dan jabatan bukan sahaja untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masing-masing, malahan juga dapat diambil peluang oleh belia-belia yang sedang mencari pekerjaan di sektor awam dan swasta."
- Titah Sempena Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-7 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"KAMI ceritakan kepadamu wahai Muhammad kisah mereka dengan sebenarnya, Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada tuhan mereka, dan Kami tambahkan hidayah kepada mereka. dan Kami teguhkan hati mereka ketika mereka berdiri (di hadapan raja yang memaksa mereka supaya menyembah berhala) lalu mereka berkata:
"Tuhan kami ialah tuhan pencipta langit dan bumi, kami sekali-sekali tidak akan menyembah tuhan yang lain darinya, (kerana kalau demikian) sesungguhnya kami mengucapkan perkataan yang jauh dari kebenaran."
- (Surah Al-Kahfi ayat 13 -14).

TAHUN 60 / BILANGAN 105

2 SEPTEMBER 2015 / 18 ذُو الْقَعْدَةِ 1436

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Golongan belia mula teroka bidang-bidang baru

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Persatuan Belia kepada Persatuan Society of Community Outreach and Training (SCOT). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (Lihat muka 12 dan 13).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa teruja dengan bertambahnya bilangan profesional, usahawan, karyawan dan tenaga mahir dalam kalangan para belia tempatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah merasa bangga dapat menyaksikan belia-belia itu sudah mula menceburkan diri di bidang-bidang yang kurang diminati, seperti bidang bertanam padi dan membuat kerja-kerja lasak seperti memandu kenderaan berat dan *scaffolding*.

"Demikian juga, golongan belia juga telah mula terlibat menerokai bidang-bidang baru, seperti bidang industri kreatif, dan juga tidak ketinggalan untuk menceburi pasaran luar negara," titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kaum belia juga titah baginda, didapati aktif melakukan kerja-kerja amal atau sukarela, dan ini, bukan saja dilakukan di dalam negara malahan juga di luar negara dan semua itu amatlah membanggakan kita.

Titah baginda lagi, kaum belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara yang bermanfaat, terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau sanggup membuat kerja-kerja lasak, seperti turun ke sawah di bawah panas matahari dan lain-lain kerana ini semua sangatlah berguna kepada belia, selaku ejen masyarakat.

"Maksud beta dengan jati diri di sini, ialah yang original, yang asli, yang bukan disalin atau ditiru daripada orang lain, lebih-lebih lagi kalau yang ditiru itu bertentangan dengan budaya dan adab sopan kita yang baik," titah baginda.

Salah satu contoh budaya dan jati diri yang baik orang-orang Brunei titah baginda, ialah suka memakai songkok sehingga dalam banyak keadaan mereka itu dapat dilihat memakainya terutama sekali ketika sembahyang dan membaca Al-Qur'an.

BELIA HARAPAN BANGSA

BELIA merupakan tulang belakang bagi sesebuah negara. Belia juga merupakan harapan bangsa, agama dan negara pada masa hadapan. Belia adalah penerus perjuangan pada masa hadapan bagi apa juga yang telah diusaha dan dilaksanakan mahupun dirancang kini.

Demikianlah harapan dan antara tanggungjawab seseorang yang bergelar belia. Walaupun kini kita berfikiran bahawa belia hanya seseorang yang biasa, namun walau sekecil mana pun sumbangan mereka kepada agama, bangsa dan negara itu adalah memainkan peranan dalam memaju, membangun dan mempertahankan negara pada masa hadapan.

Belia yang kini masih di bangku persekolahan rendah, menengah, pra-universiti mahupun universiti merupakan pelapis kepada belia yang kini berada di tahap atau alam pekerjaan. Mungkin dari segi usia berbeza namun tanggungjawab yang bakal dipikul adalah sama dan akan terus diwarisi oleh belia seterusnya.

Tanggungjawab yang bakal diwarisi berkenaan mencakupi tanggungjawab pada keluarga, agama, bangsa dan juga negara. Tidak terlepas tanggungjawab dalam menjaga keamanan, keharmonian serta kemakmuran dalam negara namun juga di serantau mahupun luar negara.

Oleh itu, belia perlu berfikiran luas dan membuka pandangan mereka ke hadapan, iaitu dalam sama-sama cuba membangun, memaju dan membangun Negara Brunei Darussalam tercinta kita seperti yang diharapkan menjelang Wawasan Negara 2035 kelak. Bangunlah daripada lena, kerana tiada kata terlewat bagi sesuatu perubahan.

Perubahan bermula dari diri sendiri. Nasib dan hala tuju masa hadapan kita tidak akan ke mana jika kita hanya duduk diam dan tidak berbuat apa-apa. Kita akan kekal dalam dunia khayalan atau impian yang kita cipta sendiri.

Memang sesuatu itu bermula daripada khayalan ataupun impian, namun jika ia hanya kekal sebagai khayalan atau impian, maka ia tidak akan menjadi kenyataan. Oleh itu, jangan berdiam diri bangun dan aktifkan diri untuk merealisasikan impian menjadi realiti.

Andai dilanda kegagalan dalam mengejar dan menjadikan khayalan atau impian itu menjadi realiti, tidak bermakna usaha dan apa yang kita lakukan akan terbantut begitu sahaja. Sekali kita gagal tidak bermakna kita akan gagal selamanya. Bangun dan bangkitlah daripada kegagalan kerana kegagalan itu akan menjadikan kita lebih dewasa dalam menempuh ranjau dan halangan hidup.

Begitulah semangat yang perlu ada pada belia watan kita dalam sama-sama bangkit dan bangun serta memajukan lagi watan ini. Jangan mudah berputus asa dalam apa jua masalah dan kegagalan yang dihadapi, kerana ia bukan penamat kepada perjuangan yang telah dilaksanakan, tetapi adalah permulaan kepada perjalanan yang panjang.

Demikianlah antara peranan dan tugas serta tanggungjawab sebagai seorang belia, walau nampak susah untuk dilakukan dan diusaha, namun semua tetap akan digagahi dan dilaksana, demi agama, bangsa dan negara yang tercinta, marilah kita bangun daripada alpa, marilah kita sama-sama menggalas harapan negara, dalam sama-sama menjana dan merealisasikan Wawasan Negara 2035. Belia Berwawasan, Menjana Ekonomi. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

Jadilah belia berjariah, bekariah, berluriah

SEBUAH negara amat memerlukan sumber ekonomi yang dinamik yang dapat berdaya tahan serta mendukung kepada pembangunan dan pertumbuhan yang mampu berdaya tahan.

Untuk Negara Brunei Darussalam bagi mencapai hasrat itu, ia akan lebih banyak bergantung kepada faktor modal insan yang akan terus berupaya untuk melahirkan rakyat dan penduduk yang berperibadi tinggi, beriman, dinamik, berilmu dan berwawasan.

Dalam usaha membangun dan memajukan negara ini kita memerlukan kepada sumber tenaga manusia yang berkualiti serta mempunyai kemahiran yang tinggi dan itu tidak lain ialah golongan belia.

TONGGAK NEGARA

Sebagai tonggak kekuatan negara selaku pewaris kepimpinan pada masa hadapan golongan belia perlu diasuh, dididik dan dibimbing ke jalan yang positif agar menjadi generasi berilmu, berkemahiran, berdaya saing, berdaya maju tanpa mengetepikan ajaran agama yang menjadi tuntutan dan panduan rakyat serta penduduk di negara ini yang selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Usaha membangun belia di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fisikal dan fiskal.

Menyedari sepenuhnya akan harapan dan kepercayaan yang diletakkan di atas bahu mereka itu maka golongan ini seharusnya tidak mensia-siakan kepercayaan, amanah, pelaburan serta peruntukan sumber yang disediakan oleh pihak kerajaan itu.

Pada hakikatnya para belia perlu melangkah ke hadapan dengan merebut peluang-peluang yang ada dengan sebaik-baiknya selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolqiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN



ANTARA aktiviti yang melibatkan kecerdasan pemikiran, ketahanan fizikal dan mental serta meningkatkan disiplin bagi melengkapkan diri dan motivasi para belia.

Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-69 yang berlangsung di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman yang mana baginda menyeru semua rakyat untuk segera melakukan penghijrahan minda yang dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh kepada rajin bekerja dan dari banyak bergantung harap kepada lebih membanyakkan usaha, dan dari kurang berdikari kepada lebih berdikari.

Dalam membentuk, membimbing

dan mengasuh belia-belia ini untuk menjadi anggota masyarakat yang berharga dan tidak membebankan kepada negara mereka tidak kurang berhadapan dengan cabaran dan hambatan globalisasi dunia tanpa sempadan dan ledakan info telekomunikasi yang setengahnya membawa implikasi positif serta setengahnya membawa perkara-perkara yang negatif kepada golongan belia dalam mengharungi kehidupan mereka,

Oleh sebab itu, generasi masa ini perlu sentiasa bersiaga terutama untuk menjaga keamanan negara selain memelihara semangat bersatu padu antara kaum dengan menjalinkan hubungan yang baik dan mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling hormat-menghormati.

Selain itu, mereka juga harus bijak menilai sesuatu kebenaran berita yang diperkhabarkan atau diperolehi kerana di takuti ia mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh memecah-belahkan masyarakat dan perpaduan bangsa.

Kerana itu, melalui perancangan dan usaha-usaha kerajaan, adalah diharapkan akan mampu melahirkan lebih banyak belia yang menyumbang kepada pembangunan negara secara berkesan selain mereka perlu bijak dan berhati-hati dalam membuat pemilihan agar jangan sampai menyeleweng daripada landasan akidah dan terpesong daripada kerangka sosial dan politik yang diamalkan di negara ini iaitu



BUDAYA berniaga amat ditekankan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pintu rezeki yang utama dan juga satu profesion yang harus direbut dan dijadikan sebagai satu teras untuk mereka berjaya.

konsep Melayu Islam Beraja.

Untuk menguatkan semangat dan keyakinan diri mereka akan peranan yang akan mereka mainkan dalam pembangunan negara, bangsa dan ummah, golongan belia ini perlu sentiasa berpandukan Al-Qur'an dan Al-Hadis kerana di dalam Kalam Allah banyak terdapat contoh dan teladan peranan belia-belia yang diceritakan dalam perjuangan nabi dan rasul yang semuanya daripada kalangan belia.

Malah Kebawah DYMM semasa bertitah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun lepas mengingatkan bahawa sebagai agen kepada perubahan, kaum belia perlu lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu kerana bukanlah semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya, iaitu jika perubahan itu membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa.

Titah baginda, sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga mengingatkan agar kaum belia di negara ini supaya tidak belajar atau mengambil dari mana-mana yang tidak bermanfaat untuk dipelajari, tetapi belajarlah dari mana dan kepada siapa yang patut dicontohi.

Sebagai belia Islam maka hendaklah mengukuhkan ilmu bukan hanya dalam bidang akademi semata-mata, tetapi hendaklah juga mengukuhkan ilmu yang berkaitan tentang kehidupan dan negara, supaya ilmu itu mampu diaplikasikan bagi memelihara kedaulatan agama Islam, bangsa dan negara tercinta.

Ingatlah bahawa tanggungjawab untuk mempertahankan agama Islam adalah amanah yang mesti dilaksanakan oleh setiap umat termasuklah dari golongan belia dan buktikanlah pada negara bahawa belia Islam adalah belia yang terbaik, mampu menjadi contoh dan layak untuk memimpin negara pada masa hadapan.

Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2015 yang disambut kelmarin ia secara langsung merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia untuk melangkah dan maju ke hadapan terutama dalam membina sebuah negara yang maju dan sejahtera.

Menurut Presiden Persatuan (Society for Community Outreach & Training) - SCOT, Awang Md. Mahyuddin bin Haji Othman, sebagai seorang belia yang boleh menyumbang kepada kelangsungan pembangunan negara memerlukan



"BELIA perlu merubah *mindset* mereka dan melakukan sesuatu yang positif bagi kemajuan negara, buang sikap memilih kerja dan *spoon feeding*," jelas Presiden Persatuan SCOT, Awang Md. Mahyuddin bin Haji Othman.

belia yang mempunyai semangat untuk maju serta mempunyai wawasan ke hadapan yang dicapai.

Katanya, sifat seorang belia mestilah mempunyai ilmu dan inisiatif untuk maju selain pihak-pihak berkepentingan sentiasa memberi bantuan dan bimbingan untuk melangkah lebih jauh lagi agar usaha yang diusahakan tidak terbantut di pertengahan jalan.

Menyentuh perkataan berjariah, bekariah dan berluriah ini beliau mengandaikan agar para belia mencontohinya kerana perkataan itulah menunjukkan orang-orang Brunei dahulu itu suka bekerja tanpa memilih-milih yang secara langsung mendatangkan hasil malah mengingatkan para belia agar tidak hanya bersikap *spoon feeding* sahaja.

Menurut Syeikh Dr. Yusof Al-Qhardawi : "Apabila kita hendak melihat wajah sesebuah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda hari ini adalah daripada kalangan berakhlak, tentunya sesebuah negara itu akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur, tetapi jika keadaan negara itu adalah sebaliknya. Maka bersedialah berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku."

Mudah-mudahan apa yang dirancang dan dilakukan oleh para belia generasi negara kita pada masa ini akan sentiasa diberikan taufek serta hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta berjaya memainkan peranan bagi pembangunan negara dan bangsa yang maju, dihormati dan dikasihi dengan mendapat reda Allah Subhanahu Wata'ala.



KERJA-KERJA membersihkan daun-daun kering dan mengutip sampah sarap di sekitar Tasik Sarubing oleh belia dari Daerah Temburong.

Berangkat ke Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10

Oleh : Noorati Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BERAKAS, Selasa, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanul Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10, 2015 dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan 2015 sempena memperingati Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap 1 Ogos dihadiri oleh lebih 2,500 belia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya, menyembahkan keberangkatan Kebawah DYMM mencerminkan akan keprihatinan baginda yang berterusan terhadap pembangunan dan perkembangan golongan belia di negara ini.

Jelas Yang Berhormat, keberangkatan baginda itu juga memberikan peringatan kepada golongan belia di negara ini akan harapan tinggi yang diletakkan kepada mereka untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan dan kemajuan bangsa, agama dan negara dengan memperstapiagakan diri mereka untuk menghadapi segala bentuk cabaran di era perajabatan.

Menyentuh mengenai tema sambutan 'Belia Berwawasan, Menjana Ekonomi', Yang Berhormat menyatakan, ia merupakan seruan kepada semua golongan belia untuk melipatgandakan usaha dan penglibatan mereka pada meningkatkan kemakmuran ekonomi negara dan menjadi penyumbang tenaga kerja yang produktif.

"Tema berkenaan juga menekankan golongan belia, bukan sahaja perlu produktif malah juga untuk lebih kreatif dan inovatif menerokai bidang perekonomian dan pekerjaan. Kelebihan-kelebihan ini menjadikan mereka penggerak kemajuan masyarakat dan pembangunan negara yang berdaya tahan," ujar Yang Berhormat.

Acara kemuncak sambutan tahun ini ialah Penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2015 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Persatuan Belia, Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Anugerah Sukarelawan Belia dan Anugerah Belia Cemerlang.

Anugerah Persatuan Belia dianugerahkan kepada Persatuan Society of Community Outreach and Training yang menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah BND5,000 berserta sebuah plak dan sijil penghargaan.

Anugerah Pemimpin Belia Berjasa pula dianugerahkan kepada Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Sementara itu, Dayang Nurliyana binti Ariffin pula dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Sukarelawan Belia dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Bagi Anugerah Belia Cemerlang, diterima oleh Awang Goh Kiat Chun @ Wu Chun yang juga membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 berserta sebuah plak, kain tenunan dan sijil penghargaan.

Ikrar Belia dibacakan oleh barisan kumpulan-kumpulan belia yang terdiri daripada Alumni Program Khidmat Bakti Negara; belia beruniform; belia-belia dari keempat-empat daerah; belia da'ie; belia-belia profesional termasuk Belia Bertanam Padi, Penggerak Jentera Berat dan 'Scaffolding'; bakal peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-42, 2015; pasukan atlet dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan kumpulan ahli-ahli sukarelawan.

Bacaan tersebut diketuai oleh Awang Mohd. Syafique bin Haji Mohd. Hussain, seorang usahawan muda yang memulakan Start Up HUB BIMP-EAGA di negara ini selain bergiat aktif dalam aktiviti sukarela, seorang pelapor sukan parkour dan graduan dalam bidang Graphic Design : New Media.

Sambutan diserikan dengan Persembahan Belia, iaitu 'Belia Berwawasan, Menjana Ekonomi' yang menentangakan bacaan puisi, tita Kebawah DYMM sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-5, 2010; persembahan Human LED; persembahan Tableau Tablo dan sketsa mengenai perusahaan belia dalam industri seperti berpadi, jentera berat, scaffolding dan abseiling yang melibatkan seramai 1,320 orang penuntut, belia-belia dan sukarelawan.

Konsep persembahan ini menggambarkan belia-belia yang bekarih, berjahir dan belurih pendapatan dalam meningkatkan taraf hidup yang cemerlang seperti bekerja sendiri dalam semua bidang industri dan kegiatan aktiviti yang sihat.

Persembahan Tableau Tablo melambangkan bayang-bayang kehidupan para belia pada masyarakat dalam industri yang sanggup berhuja, berpanas, berkering, sementara scaffolding pula melambangkan pembangunan industri yang pesat membangun.

Seterusnya, abseiling pula melambangkan hubungan belia seantero dunia dalam menjana ekonomi. Slogan 'Kami Belia Berwawasan Menjana Ekonomi' dilafazkan oleh belia-belia sebagai pendukung dan menyokong



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Sukarelawan Belia kepada Dayang Nurliyana Fatim binti Ariffin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Sukarelawan Belia kepada Dayang Nurliyana Fatim binti Ariffin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Belia Cemerlang kepada Awang Goh Kiat Chun @ Wu Chun.

wawasan belia.

Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudiannya berangkat menyaksikan Pameran Inovasi Usahawan Belia 2015 dan seterusnya berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2015.

Pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan oleh Kebawah DYMM pada setiap 1 Ogos adalah satu keistimewaan kepada belia-belia seperti yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara 2002.

Kerajaan Kebawah DYMM dalam usaha membangun belia negara ini sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Selain itu, Hari Belia Kebangsaan juga merupakan platform kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Sesuai dengan matlamat Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2015, iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini, maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan sambutan ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam aktiviti-aktiviti kebelaian khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya termasuk dalam kerja sukarelawan.

Antara tujuan sambutan ialah untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut Hari Belia Kebangsaan, di samping mengumpulkan belia-belia di seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna dan memberi peluang kepada belia-belia berinteraksi serta bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari pelbagai aspek terutama dalam pembangunan dan kemajuan belia.

Kebawah DYMM kurniakan Anugerah Belia Kebangsaan 2015

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Acara kemuncak Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini ialah Pengurniaan Anugerah Belia Kebangsaan 2015 kepada tiga orang tokoh belia dan sebuah persatuan belia, iaitu Anugerah Persatuan Belia, Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Anugerah Sukarelawan Belia dan Anugerah Belia Cemerlang.

Berangkat mengurniakan anugerah-anugerah berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Anugerah Persatuan Belia kepada Persatuan Society of Community Outreach and Training (SCOT) yang menerima plak, sijil penghargaan dan wang tunai BND5,000.

Persatuan ini telah ditubuhkan pada bulan November 2013 dengan keahlian terdiri daripada golongan belia sendiri. Walaupun baru sahaja ditubuhkan, persatuan ini sangat aktif di dalam kerja-kerja menangani kemiskinan melalui pelbagai pendekatan yang sangat kreatif dan menarik para belia terutama dalam bidang pendidikan, pemeliharaan alam sekitar, mengumpul dana (*fund raising*) dan pelbagai aktiviti ke arah membantu masyarakat yang memerlukan.

Persatuan ini juga aktif menjalankan aktiviti-aktiviti bagi membantu golongan-golongan yang memerlukan sama ada dalam dan juga luar negara.

Kekuatan persatuan ini adalah menerusi usaha dan inisiatif yang dilaksanakan dan ia digerakkan sendiri oleh para belia dengan visi dan misi yang jelas selain memiliki rakan kongsi dari pelbagai agensi sama ada kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGOs).

Pemangku Pengerusi SCOT, Awang Mohammad Khairul Azmi bin Haji Mohd. Salleh ketika ditemu bual menjelaskan perancangan masa depan persatuan tersebut antaranya ialah melaksanakan beberapa projek di dalam dan juga di luar negara.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof atas sumbangan jasanya yang bermakna dalam kemajuan, pergerakan dan pembangunan belia.

Penerima anugerah ini merupakan seorang yang bergiat aktif dalam pergerakan belia dan telah menajwat beberapa jawatan tertinggi dalam persatuan-persatuan yang diceburi termasuklah sebagai Presiden, Naib Presiden dan Setiausaha Agung dalam Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Peritvi Brunei Darussalam dan Majlis Wanita Brunei Darussalam.

Datin Hajah Siti Hajar telah mula melibatkan diri dalam Persatuan Bulan Sabit Merah sejak tahun 1960, iaitu ketika berumur 11 tahun dan dilantik dalam beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan sama ada dalam dan luar negara.

Penglibatan beliau dalam pergerakan belia ini banyak tertumpu kepada bidang bulan sabit merah yang mana beliau turut terlibat dalam penggubalan Perlembagaan Persatuan Bulan Sabit Merah sebagai persediaan dan seterusnya proses untuk keahlian persatuan dalam International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies (IFRC) di Geneva, Switzerland pada tahun 1977.

Melalui penglibatan aktif beliau dalam bidang sukarelawan ini, beliau mampu memberikan sumbangan dan dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada belia di negara ini untuk sama-sama menyumbangkan khidmat kepada

masyarakat dan negara.

Ketika ditemui, Datin Hajah Siti Hajar berkata, anugerah yang diterima ini dianggap sebagai satu amanah yang diharap ia akan dapat dipegang, iaitu dengan menerusi dan mempertingkatkan lagi penglibatan beliau dalam hal-hal dan kerja-kerja sukarela melalui NGOs.

Sementara itu, Anugerah Sukarelawan Belia pula diberikan kepada Dayang Nurliyana Fatim binti Ariffin yang merupakan seorang belia yang bergiat aktif dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti dan program-program sukarelawan sama ada dalam dan juga luar negara.

Dayang Nurliyana Fatin juga adalah cerminan belia yang berjiwa besar dan personaliti beliau ini boleh dijadikan sebagai ikon atau idola kepada para generasi belia dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam dan luar negara.

Melalui kekentalan jiwa dan kesungguhan, beliau telah berjaya membawa Projek ASEAN Young Professional Volunteer Corp (AYPVC) untuk dilaksanakan di luar negara sebagai Project Manager.

Beliau juga adalah merupakan salah seorang belia yang turut terlibat dalam menubuhkan sebuah sekolah di Kemboja dalam usaha membantu warga yang memerlukan di negara tersebut.

Mempunyai latar belakang keusahawanan, beliau juga merupakan salah seorang ahli dalam Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB) dan mempunyai rangkaian kerjasama dengan pelbagai pihak dalam dan luar negara serta banyak memegang pelbagai jawatan-jawatan penting dalam pelbagai persatuan belia termasuk sebagai Presiden pada tahun 2015, Founding Member, Commonwealth-Asia Alliance of Young Entrepreneurs (CAAYE) yang ditubuhkan pada bulan November 2011 di New Delhi, India.

Beliau juga banyak terlibat dalam aktiviti dalam negara ke arah memberikan kesedaran kepada para belia mengenai peranan mereka dalam pembangunan negara.

Dayang Nurliyana Fatim ketika ditemui menyarankan, para belia agar dapat memainkan peranan mereka sebagai belia untuk pembangunan dan kemajuan ekonomi negara, iaitu dengan mencubai dalam bidang-bidang seperti keusahawanan.

Sementara itu, penerima Anugerah Belia Cemerlang, Awang Goh Kiat Chun atau lebih dikenali sebagai Wu Chun dalam temu bual menjelaskan bahawa, penganugerahan ini merupakan satu penghormatan baginya kerana ia menjadi pendorong untuk memperbanyakkan lagi usaha-usaha untuk melaksanakan kerja-kerja dan acara-cara amal.

Awang Goh Kiat Chun merupakan seorang usahawan muda yang berjaya di negara ini dan banyak menyumbangkan usaha dalam mengharumkan nama negara khususnya dalam



KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan Pameran Inovasi Usahawan Belia 2015 sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015.



ANTARA persembahan berkonsepkan belia-belai yang bekarih, berjahir dan belurih pendapatan dalam meningkatkan taraf hidup yang cemerlang (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bergambar kenangan bersama para penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2015. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Kebawah DYMM suntik semangat usahawan belia

Oleh : Noorati Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi, Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Pameran Inovasi Usahawan Belia 2015 sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 telah menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanul Bolkiah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pameran tersebut memaparkan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi yang telah membuka dan memberi peluang kepada usahawan-usahawan belia di Negara Brunei Darussalam untuk memperolehi dan mencapai kemajuan dalam bidang perniagaan, melalui kreativiti dan inovasi sesuai dengan minat serta keinginan mereka.

Selain itu, ia juga bagi mendukung tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Belia Berwawasan, Menjana Ekonomi'.

Sebanyak 16 pengusaha belia menyertai pameran berkenaan yang mempunyai Kunci Petunjuk Pencapaian (KPI) dengan pendapatan BND100,000 hingga BND300,000 ke atas setahun.

Para usahawan menentangakan pameran arkitek; teknologi maklumat / pengiklanan / pereka laman/ animasi; industri sukan, perancang acara; penyelidikan pemasaran / penjenamaan pemasaran; industri kulnari, penjualan pakaian dan peralatan.

Usahawan belia juga berani meneroka bidang-bidang baru seperti Belia Berpadi, 'Scaffolding' dan Pemandu Jentera Berat yang turut diperkenalkan dalam pameran tersebut yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia.

Turut diperkenalkan adalah satu projek

mencipta *prototype* kereta yang dipertandingkan di Manila, Filipina di bawah pengendalian Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dua ahli keluarga pengusaha di Syarikat Ajwa Kitchen, Awang Mohd. Adi Shukri bin Haji Aji dan Awang Mohd. Adi Shariman bin Haji Aji semasa ditemu bual Pelita Brunei mengongsikan syarikat tersebut memulakan perniagaan mereka di Kampung Tamoi.

Ajwa Kitchen jelsnya, mula ditubuhkan secara rasminya pada 1 Jun 2013 dengan hasil terciptanya gabungan nama kedua-dua ibu bapa mereka. Ia dikendalikan oleh 20 ahli terdiri daripada 10 ahli keluarga Ajwa dan 10 orang pekerja.

Menurut Awang Mohd. Adi Shukri, Ajwa juga turut bergiat aktif dalam menyumbangkan hasil produk makanan mereka kepada orang-orang yang kurang berkemampuan dan insan-insan istimewa di negara ini.

Jelasnya, Ajwa memulakan perniagaan dengan membuat Kuih Mor dan Baked Potatoes, di samping membuka perniagaan *cube* pada 1 Disember 2013 bersama pembekal-pembekal yang lainnya.

Menyentuh tentang perancangan akan datang, syarikat mereka katanya, akan membuka cawangan terbarunya di Kompleks Madang pada bulan September tahun ini.

Dari itu, Awang Mohd. Adi Shariman menyarankan agar para belia hendaklah bergiat aktif dalam bidang perniagaan dan ekonomi kerana ia sangat mencabar dan mampu mengajar kita tentang menjalani erti kehidupan.

Beliau menambah, ia juga bagi menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mencubai dalam bidang perniagaan di negara ini.

Bagi Dayang Syedah Siti Sarah binti Syed Anayatullah Shah, 31, yang mengusahakan butik Mumtaz Collection pula menyeru para belia agar berani mencuba dalam bidang usahawan kerana pihak kerajaan telah banyak memberikan kemudahan kepada para pengusaha di negara ini.

Menyediakan penghantaran pakaian sebanyak 15,000 helai ke seluruh dunia beliau berharap perniagaannya akan terus maju dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pembekalnya.

Mumtaz Collection mula ditubuhkan pada tahun 2010 yang juga membuat penghantaran bukan sahaja dari dalam negara, tetapi juga dari luar negara seperti Malaysia, Republik Singapura, Jepun, England, Mesir dan Pakistan.

Golongan belia mula teroka bidang-bidang baru



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

- Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi.

Dari muka 1

Baginda menambah, ia sangat sopan dan cantik dipandang mata dan bahkan ia juga menjanjikan pahala kepada kita kerana menutup kepala itu salah satu daripada Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tetapi agak malang di era mutakhir ini titah baginda, orang sembahyang dan membaca Al-Qur'an pun sudah ada yang tidak memakai songkok kerana ini bukan budaya dan jati diri kita, tetapi satu budaya baru yang didapat daripada luar termasuk yang ditiru dari media.

Tegas baginda, kalau hendak meniru pun biarlah yang baik bukan meniru perkara yang tidak baik apatah lagi yang merugikan.

Ini titah baginda, adalah di antara cabaran yang sedang menunggu para belia kita di mana mereka itu sangat penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak atau terperangkap oleh aliran-aliran budaya baru yang tidak menentu.

Sebaliknya jelas baginda, para belia dikehendaki supaya proaktif dalam memupuk dan memelihara budaya warisan, bukannya membiarkan budaya itu hakis atau mati.

"Misalnya budaya dan seni mempertahankan diri, yang kita warisi semenjak sekian lama itu, adakah sudah kita berpuas hati dengannya, ataupun kita sedang cemas, kerana mendapatinya sedang diancam oleh perubahan atau pembaharuan yang menjejaskannya?" titah baginda lagi.

Titah baginda, kita bukanlah anti perubahan atau pembaharuan itu, tetapi biarlah perubahan atau pembaharuan tersebut jangan sampai mengurangkan mutu dan sekali gus melunturkan 'ketulinan' warisan dan kita sepatutnya mempertahankan warisan dan memberinya nafas yang baru, bukan menyebabkan ia layu dan lumpuh kerana inilah tugas para belia bangsa.